



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Fax : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI : PSUKPP/05/0755 KLT.2 (13)

TARIKH : ~~29~~ JAMADILAKHIR 1430H
~~28~~ JUN 2009

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri
Ketua-ketua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING PENTADBIRAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BIL. 5 TAHUN 2009

ARAHAN PENJIMATAN KERTAS

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan mengenai langkah-langkah pengawalan penggunaan dan penjimatan kertas.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri memandang berat mengenai penggunaan dan pembaziran kertas yang kian meningkat di Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sehubungan itu satu langkah penguatkuasaan pengawalan dan penjimatan penggunaan kertas perlu dilaksanakan. Langkah-langkah penggunaan dan pengawalan kertas secara teratur boleh menjimatkan kos pentadbiran dan sumber-sumber hutan sedia ada.

PELAKSANAAN

3. Semua Ketua-ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan adalah digalakkan melaksanakan langkah-langkah pengawalan dan penjimatan kertas seperti berikut:-

- (i) Mencetak semua surat, dokumen dan lain-lain bahan bercetak di atas kedua-dua belah muka surat apabila menggunakan mesin penyalin
- (ii) Menggunakan saiz huruf (*font*) yang lebih kecil iaitu saiz huruf 11 dan jarak ruang garis (*line single spacing*) serta sempitkan ruang cetak (*print margin*) kepada 1 untuk kesemua bahagian atas, bawah, kiri dan kanan kertas.
- (iii) Menyemak dengan lebih teliti kesemua maklumat sebelum dicetak dan menggunakan kertas yang telah digunakan bagi mencetak deraf surat, dokumen dan sebagainya.
- (iv) Menggunakan saluran e-mail bagi tujuan menghantar semua urusan surat menyurat, penghantaran dokumen dan sebagainya.
- (v) Bermesyuarat secara e-meeting iaitu menggunakan 'note book' atau layar putih (*white screen*) tanpa perlu mengedarkan sebarang bahan mesyuarat secara bercetak.
- (vi) Memastikan anggota-anggota di bawah seliaan melaksanakan tugas-tugas rasmi sahaja dan bukannya urusan persendirian walaupun selepas waktu pejabat kerana memberi ruang kepada mereka mencetak bahan-bahan dan dokumen persendirian.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k. Y.A.B. Ketua Menteri
PULAU PINANG